

HUBUNGAN PENDEKATAN MOTIVASI PENCAPAIAN DENGAN PEMBELAJARAN BAHASA ARAB

1077

Mohd Zaki Bin Ahmad

zakiahmad@kuis.edu.my

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, FPPI, KUIS

Muhammad Firdaus Bin Haji Abdul Manaf

firdaus@kuis.edu.my

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, FPPI, KUIS

Md Noor Bin Hussin

mdnoor@kuis.edu.my

Jabatan Pengajian Bahasa dan Linguistik Arab, FPPI, KUIS

ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk melihat hubungan antara pendekatan motivasi pencapaian dengan pembelajaran bahasa Arab. Seramai 131 orang pelajar Tingkatan Empat dan Tingkatan Lima daripada sebuah sekolah menengah agama telah dipilih dengan kaedah persampelan bertujuan untuk menjadi responden kajian. Data dipungut menggunakan instrumen Skala Likert Lima Peringkat yang merangkumi elemen pendekatan motivasi pencapaian. Skala ini digunakan untuk mengukur tahap motivasi pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Arab. Data kajian ini dianalisis menggunakan statistik deskriptif, iaitu Peratusan, Kekerapan, Sisihan Piawai dan Min serta Statistik Inferensi. Dapatan kajian menunjukkan pembelajaran bahasa Arab mempunyai hubungan yang signifikan dengan pendekatan motivasi ke atas pencapaian akademik pelajar. Namun, hasil Ujian-t menunjukkan tahap pendekatan motivasi pencapaian pelajar perempuan lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Dapatan kajian ini turut menyokong kepentingan pendekatan motivasi pencapaian dalam membantu meningkatkan pencapaian akademik dalam kalangan pelajar sekolah menengah agama dalam pembelajaran bahasa Arab.

Kata Kunci: Pendekatan Motivasi, Pencapaian Akademik, Pembelajaran, Bahasa Arab.

1.0 PENGENALAN

Ramai pelajar bahasa dewasa ini mula menyedari kepentingan dalam meningkatkan penguasaan dan pencapaian akademik dalam pembelajaran mereka. Pelbagai cara dilakukan oleh pelajar seperti mengikut kelas tambahan, mengguna strategi belajar yang betul, menggarap dan membangkitkan motivasi, dan lain-lain. Di sini, para pelajar seharusnya menyedari bahawa pemilihan motivasi belajar yang berkesan terletak ditangan pelajar sendiri.

Para pelajar seharusnya menyedari bahawa motivasi dalam pembelajaran bahasa merupakan suatu dorongan dan tenaga yang boleh merangsang pelajar untuk melibatkan diri secara aktif

dan menjadi tonggak utama dalam usaha menjana dan menyuburkan keupayaan bagi menguasai bahasa mereka. Selain itu, dorongan motivasi dipercayai berusaha mengekalkan kekuatan dalaman pelajar yang berterusan sepanjang hayat dalam konteks pendidikan bahasa yang kompleks, khasnya untuk bahasa Arab. Justeru, motivasi merupakan salah satu mekanisme yang penting untuk membangkitkan dorongan untuk mencapai keputusan akademik yang cemerlang, termasuk pencapaian dalam matapelajaran bahasa Arab.

Untuk melihat aras motivasi belajar bahasa dengan diri pelajar sendiri adalah dengan membandingkan perkaitan atau perbezaan pendekatan motivasi dalam kalangan pelajar. Ini kerana penulis beranggapan bahawa melalui faktor-faktor dorongan motivasi yang efektif sahaja sudah pasti akan dapat merangsang dan mendorong mereka untuk belajar bahasa Arab, dan sekaligus sebagai alternatif untuk menyelesaikan masalah belajar bahasa Arab serta mengatasi kelesuan bagi kelangsungan proses pembelajaran bahasa itu.

Dalam kajian yang dijalankan, secara umumnya pengkaji ingin melihat beberapa persoalan pokok yang utama, iaitu: (i) Sejauh manakah faktor-faktor yang menjana Pendekatan Motivasi Pencapaian yang boleh mendorong pelajar belajar bahasa Arab? Sejauh manakah Pendekatan Motivasi Pencapaian dapat mengukur minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab?. Diharapkan bahawa persoalan-persoalan tersebut adalah difikirkan sebagai faktor yang berkemungkinan dapat menentukan aras pencapaian akademik dalam pembelajaran bahasa Arab pelajar.

2.0 ULASAN PUSTAKA

Konsep Motivasi dan Pengertiannya

Umumnya, kajian yang dibuat secara sistematik dan saintifik terhadap penggerak kepada kemahuan dan keinginan manusia untuk berjaya atau untuk mencapai sesuatu tujuan disebut **motivasi**. Istilah motivasi berasal daripada perkataan Latin *movere* yang bermakna bergerak. Dalam Kamus Besar Arab-Melayu (2006 : 754) pula, motivasi disebut dengan kata tunggal (da:fi') dan kata jamak pula (dawa:fi') yang bererti dorongan. Aion Mohd. (2003 : 3), menegaskan bahawa istilah motivasi memberi makna mendorong, mengarah dan mengekalkan sesuatu tingkah laku. Oleh itu, ia bertepatan dengan dua kata yang membentuk istilah *motivation* iaitu *motive* dan *action*. Justeru, motivasi boleh diertikan sebagai dorongan untuk melakukan tindakan bagi tujuan tertentu.

Kamus Dewan Edisi Keempat (2014 : 1044) pula mendefinisikan motivasi sebagai keinginan yang keras atau semangat yang kuat pada diri seseorang yang mendorongnya untuk berusaha atau melakukan sesuatu dengan tujuan untuk mencapai kejayaan. Motivasi juga boleh ditakrifkan sebagai sesuatu yang membuat atau mendorong seseorang berusaha atau melakukan sesuatu dengan penuh minat.

Motivasi, menurut pandangan Wan Rafaei Abdul Rahman (1991 : 11), ialah satu set proses yang bertenaga kepada tingkah laku seseorang itu dan menghala tingkah laku itu kepada satu-satu matlamat. Lantaran itu, konsep motivasi bukan setakat melibatkan sesuatu keperluan dan keinginan yang menggerakkan tingkah laku atau pembelajaran seseorang, bahkan juga dari segi hala tuju yang diambil oleh seseorang itu untuk memuaskan keperluan dan keinginannya.

Sarjana psikologi Arab ‘Abd al-Majid Sayyid Ahmad Mansur et. al. (2004 : 164) pula mendefinisikan motivasi sebagai kajian tentang keadaan ketegangan dalaman yang merangsang aktiviti seseorang dan mendorongnya untuk berusaha mencapai tujuan yang tertentu dalam persekitarannya.

Ford dalam Mohamad Shatar Sabran (2005 : 7) berpendapat motivasi adalah satu proses membangkit, mengarah, dan mengekalkan tindakan tingkah laku ke arah tujuan tertentu, di mana sebelum ini tidak ada gerakan menuju ke arah tujuan tersebut. Namun demikian, motivasi dalam erti kata sebenarnya bukanlah berbentuk tingkah laku tetapi kondisi internal iaitu dalam diri yang kompleks lagi subjektif, yang tidak dapat difahami secara langsung tetapi mempengaruhi seseorang (Christopher et. al, 1999 : 120). Justeru, motivasi adalah dorongan dari dalam iaitu motif yang berupa harapan dan keinginan yang bersifat mendorong dan menggerakkan individu.

Walaupun, Abdullah Hassan dan Ainon Mohd. (2004 : 3-4) merumuskan pentakrifan motivasi yang dikemukakan oleh pakar-pakar psikologi motivasi kepada tiga persoalan penting, iaitu:

- i- Darjat Keamatan: Pakar-pakar psikologi melihat sejauh mana individu itu sanggup menggunakan tenaganya melakukan sesuatu perbuatan. Daripada sudut pandangan ini, mereka mengkaji mengapakah individu itu melakukan perbuatan itu dengan sedaya upaya ataupun sebaliknya. Aspek ini disebut keamatan atau intensiti.
- ii- Arah Perbuatan: Pakar-pakar mengkaji apakah arah atau matlamat individu itu melakukan apa yang dilakukannya. Mengapakah perbuatan itu dilakukan menghala satu arah, bukan arah yang lain. Misalnya mengapakah seseorang pelajar yang beberapa kali gagal dalam peperiksaan, berazam mengulangi peperiksaan tersebut.
- iii- Ketekunan: Selama manakah individu itu terus melakukan perbuatan yang dilakukannya. Maksudnya mengapakah perbuatan itu terus diulang-ulang ataupun sebaliknya. Sebagai contoh, mengapakah sesetengah individu, selepas beberapa kali berjaya atau gagal dalam sesuatu perkara, mereka terus mencuba dan mencuba lagi, tidak mahu berhenti. Aspek ini disebut persisten atau ketekunan penerusan.

Daripada pandangan-pandangan dan pengertian sebelum ini, konsep motivasi boleh digambarkan sebagai sebuah kitaran yang terdapat pada Rajah 1.1.



Rajah 1.1
Lingkaran Konsep Motivasi
(Sumber Rohaty Mohd. Majzub)

Rajah 1.1 menunjukkan sebuah lingkaran konsep motivasi yang bermula daripada pelbagai keperluan, kemahuan, atau keinginan yang mengakibatkan timbul desakan motif dalam diri individu. Desakan pula menghasilkan ketegangan dan kerisauan. Ketegangan melahirkan tingkah laku bermotivasi yang akan mengarah kepada sesuatu matlamat tertentu. Pencapaian matlamat akan memenuhi keperluan dan menghasilkan kepuasan. Apabila seseorang pelajar sampai kepada matlamatnya dia akan mendapat peneguhan. Oleh demikian, peneguhan dalam bentuk intrinsik atau ganjaran yang berbentuk ekstrinsik akan menyebabkan pelajar itu bertindak selanjutnya untuk mengulangi tingkah laku yang bermotivasi dalam mengekalkan kecemerlangan hidup.

Pendekatan Motivasi Pencapaian

David McClelland (1961) dan John Atkinson (1953) merupakan antara perintis dalam pengkajian tentang motivasi pencapaian. Individu yang berusaha demi mencapai kejayaan cemerlang semata-mata, bukan ganjaran, dikatakan mempunyai tahap motivasi pencapaian yang tinggi.

Menurut McClelland dalam Abdull Sukor Shaari (2003:25), seseorang yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi mempunyai kemahuan yang kuat untuk mengambil tanggungjawab mencari jalan ke arah penyelesaian masalah dan ada kecenderungan untuk menetapkan matlamat yang tinggi dan berisiko. Menurut pendekatan motivasi pencapaian, pelajar cenderung untuk berjaya atau mencapai kejayaan ke aras yang paling tinggi dan pada masa yang sama mengelakkan kemungkinan kegagalan (Rohaty Mohd. Majzub, 1992 : 30).

Nicholls (1984) dalam Ahmad Saufie Haji Ali (1996:44) pula, mengatakan motivasi pencapaian merupakan satu faktor yang penting dalam menentukan kualiti pelajar. Pelajar

yang mempunyai motivasi pencapaian yang tinggi akan secara sendirinya membentuk dirinya ke arah pencapaian yang lebih cemerlang.

Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik bermaksud prestasi akademik yang melibatkan skor atau gred yang diperolehi pelajar dalam satu-satu ujian atau peperiksaan yang standard. Pencapaian ialah kemampuan pelajar mencapai gred yang baik bagi sesuatu mata pelajaran yang diambil. Pencapaian akademik dianggap sebagai penilaian pendidikan formal dari aspek tingkat kecekapan yang dicapai oleh pelajar dalam bidang akademik sepanjang persekolahannya.

Aliran Mata Pelajaran

Aliran mata pelajaran merujuk kepada dua aliran iaitu aliran sains tulen dan aliran sains sosial. Pelajar kedua-dua aliran ini mempelajari BAT di Tingkatan Empat dan Lima. Kini aliran mata pelajaran di negara kita telah pun mengorak langkah pembaharuan kepada sistem 60% pelajar aliran sains tulen dan 40% pelajar aliran sains sosial yang bertujuan untuk mencapai wawasan 2020. Justeru, jelaslah bahawa minat, keperluan dan motivasi terhadap pembelajaran berkaitan rapat dengan aliran mata pelajaran. Malah, perbezaan dimensi motivasi dapat dilihat pada pelajar yang berbeza aliran mata pelajaran.

Perkaitan Motivasi Dengan Belajar Bahasa Arab

Daripada huraian tentang tujuan motivasi, jelaslah bahawa terdapat pertalian yang begitu rapat sekali antara tujuan motivasi dalam belajar bahasa Arab. Antara tujuan ialah seperti berikut:

- i- Membantu diri pelajar memahami ciri-ciri pertumbuhan dan perkembangan diri mereka itu sendiri dan bagaimana ciri-ciri ini dihubungkan dorongan motivasi dalam situasi pembelajaran di dalam bilik darjah. Oleh itu, pelajar dapat merancang pembelajaran bahasa yang sesuai dengan tahap perkembangannya.
- ii- Membantu pelajar memahami dan mengarahkan motif tingkah laku mereka melalui pemahaman pendekatan dan teori pembelajaran yang berkaitan dengan motivasi. Misalnya, pelajar akan terangsang dan berkemungkinan mengulangi sesuatu tingkah laku yang diingini jika tingkah laku tersebut menerima ganjaran dan pengiktirafan.
- iii- Melalui pendekatan motivasi pelajar dapat merancang matlamat dan objektif pembelajaran yang sesuai dengan kemampuannya sendiri dan menggariskan langkah-langkah supaya pembelajarannya akan dapat menjana kecemerlangan akademik.
- iv- Melalui ilmu motivasi, pelajar dapat menilai kualiti pendidikan mereka dari segi perbezaan latar belakang budaya, kebolehan dan tahap pencapaian *attainment levels* (Ames dan Ames, 1984 : 11). Pada masa yang sama, ilmu motivasi ini

mbolehkan mereka menstrategikan konsep motivasi sendiri dalam menghadapi dan meneruskan proses belajar bahasa Arab yang lebih mencabar.

- v- Mengetahui punca kegagalan dalam ujian, meningkatkan prestasi pencapaian dan memprogramkan pembangunan motivasi sendiri. Dengan itu, data dan maklumat yang diperolehi akan dapat membantu pelajar menyelesaikan masalah mereka dalam menghadapi pembelajaran sekaligus dapat memotivasikan diri mereka meningkatkan kualiti pencapaian.
- vi- Pelajar akan lebih bersabar dan bertanggungjawab apabila mereka menyedari aspek pencapaian dan kecerdasan yang berbeza-beza adalah didorong oleh domain Motivasi Matlamat dan persekitaran pelajar itu sendiri.
- vii- Sukatan pelajaran bahasa dapat disusun dan dirancang berlandaskan pendekatan motivasi pelajar (Mahmud Kamal al-Naqat, 1985 : 28). Misalnya, pendekatan pembelajaran bahasa berdasarkan tujuan-tujuan khas.

3.0 TUJUAN KAJIAN

Tinjauan ini secara umumnya untuk melihat hubungan belajar bahasa Arab berdasarkan penggunaan motivasi dalam kalangan pelajar sekolah menengah yang mempelajari bahasa Arab.

Kajian ini dilakukan berdasarkan dua tujuan berikut:

- (i) Mengetahui pasti faktor-faktor yang menjana Pendekatan Motivasi Pencapaian pelajar yang boleh mendorong pembelajaran bahasa Arab.
- (ii) Menjelaskan perkaitan atau perbezaan pendekatan Motivasi Pencapaian berdasarkan jantina pelajar.

4.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan metod kajian kuantitatif. Pendekatan kuantitatif digunakan dalam kajian ini untuk mengumpul data primer melalui soal selidik pelajar,

Soal Selidik

Data kajian ini diperolehi melalui hasil soal selidik daripada kajian “Motivasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Agama”. Kajian ini mengemukakan 8 soalan yang merangkumi item-item mengenai faktor-faktor yang mendorong Motivasi Pencapaian responden yang mempelajari bahasa Arab. Kesemua item menggunakan Skala Likert Lima Peringkat bagi mengukur pengaruh pendekatan motivasi yang dikaji.

Penganalisan Data Statistik

Kaedah penganalisan data adalah berdasarkan objektif-objektif kajian yang telah dinyatakan. Statistik deskriptif digunakan dalam kajian ini adalah untuk mendapat data frekuensi, peratusan, min dan sisihan piawai yang menerangkan tentang penghujahan keputusan dapatan kajian yang bertujuan untuk menjawab soalan-soalan kajian dan sekaligus mencapai objektif kajian yang digariskan. Seterusnya, data diringkaskan kepada Jadual Frekuensi *frequency table* dengan mengguna pakai analisis deskriptif tersebut bagi mendapat gambaran taburan data dan keputusan Ujian-t.

5.0 DAPATAN KAJIAN

Pendekatan Motivasi Pencapaian

Dapatan kajian mengenai analisis item-item Pendekatan Motivasi Pencapaian dalam pembelajaran Bahasa Arab disenaraikan dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1
Analisis Dimensi Item Pendekatan Motivasi Pencapaian

No. Item	Penyataan	Frekuensi	Min	Sisihan Piawai
01	Pengalaman belajar Bahasa Arab pada peringkat PMR banyak membantu pencapaian BAT	131	4.02	1.00
02	Boleh mencapai keputusan yang cemerlang BAT walaupun tidak pernah belajar Bahasa Arab pada peringkat sekolah rendah	131	3.24	1.39
03	Tidak boleh mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Arab jika kurang memberi tumpuan	131	4.61	0.66
04	Pengajaran guru Bahasa Arab banyak mempengaruhi pencapaian BAT	131	4.31	0.81
05	Boleh mencapai keputusan yang baik dalam BAT sekiranya menguasai kosa kata dan tatabahasa Bahasa Arab dengan baik	131	4.73	0.61
06	Tugasan yang banyak bagi subjek-subjek yang lain menyebabkan tidak dapat mencapai keputusan yang baik dalam BAT	131	3.22	1.15
07	Boleh mencapai keputusan yang baik dalam Bahasa Arab walaupun sibuk dengan kegiatan kokurikulum	131	3.57	0.92
08	Kejayaan dalam mata pelajaran Bahasa Arab mendorong kejayaan dalam kerjaya masa hadapan	131	3.82	1.06
		131	3.94	0.42

Jadual 1.1 menunjukkan sisihan piawai dan skor min bagi item pendekatan motivasi pencapaian. Item (1) yang mempunyai sisihan piawai sebanyak 1.00 menunjukkan nilai min sebanyak 4.02. Ini menunjukkan kebanyakan pelajar (36.6% sangat setuju dan 39.7%) berpandangan bahawa pengalaman belajar Bahasa Arab pada peringkat menengah rendah turut sama memberi input kepada subjek BAT pada peringkat sekolah menengah. Item (2) pula menunjukkan sisihan piawai sebanyak 1.39 dan nilai min sebanyak 3.24. Item ini memperlihatkan hanya 44.2% responden (24.4% sangat setuju dan 19.8% setuju) menyakini mereka boleh mencapai keputusan yang cemerlang dalam subjek BAT walaupun tidak pernah mempelajari Bahasa Arab pada peringkat sekolah rendah.

Sementara item (3) yang memaparkan sisihan piawai sebanyak 0.66 menunjukkan nilai min sebanyak 4.61. Ini bermakna majoriti responden (97.7% di mana 66.4% sangat setuju dan 31.3% setuju) menganggap bahawa mereka tidak mungkin mencapai keputusan yang cemerlang dalam Bahasa Arab selagi masih kurang memberi tumpuan terhadap proses pembelajaran. Item nombor (4) pula menunjukkan sisihan piawai sebanyak 0.81 dan nilai min 4.31. Ini menunjukkan responden (87.0% di mana 48.1% sangat setuju dan 38.9% setuju) lebih cenderung ke arah persetujuan bahawa pengajaran yang disampaikan oleh guru Bahasa Arab turut mempengaruhi pencapaian dalam subjek BAT. Seterusnya item (5) yang memperlihatkan sisihan piawai sebanyak 0.61 menunjukkan min 4.73. Ini bermaksud majoriti responden (95.4% di mana 78.6% sangat setuju dan 16.8% setuju) setuju bahawa mereka boleh mencapai keputusan yang baik dalam BAT dengan cara menguasai kosa kata dan tatabahasa Bahasa Arab dengan baik.

Item nombor (6) pula mencatatkan sisihan piawai sebanyak 1.15 dan nilai min 3.22. Item ini berkenaan dengan tugas dan kerja yang diarah oleh guru. Ini bermakna tugas yang banyak dalam mata pelajaran yang lain bukanlah penyebab yang boleh menghalang pelajar (16.0% responden sangat setuju dan 25.2% pula setuju) daripada memperolehi keputusan yang baik dalam BAT. Namun, sebanyak 29.0% responden (6.1% sangat tidak bersetuju dan 22.9% tidak setuju) percaya bahawa tugas yang banyak boleh membebankan mereka.

Manakala, item (7) merekod sisihan piawai 0.92 dan nilai min sebanyak 3.57. Respon pelajar-pelajar ini menunjukkan bahawa kesibukan responden (16.8% sangat setuju dan 34.4% setuju) dengan kegiatan kokurikulum bukanlah faktor penghalang bagi mereka untuk mencapai keputusan yang baik dalam Bahasa Arab.

Dan item terakhir (8) bagi elemen pendekatan motivasi ini menunjukkan sisihan piawai sebanyak 1.06 dan nilai min pula 3.82. Dapatan item ini menunjukkan responden (32.8% sangat setuju dan 29.8% setuju) percaya bahawa dengan memperolehi skor yang baik dalam mata pelajaran Bahasa Arab mereka boleh mengecapi kejayaan dalam kerjaya masa hadapan. Min keseluruhan item ini mencatat sebanyak 3.94. Ini bermakna bahawa para pelajar ingin mengecapi kejayaan dalam pembelajaran Bahasa Arab dan menggunakan motivasi sebagai wahana untuk mencapai matlamat pembelajaran yang dicita-citakan.

Perkaitan Pendekatan Motivasi Pencapaian Mengikut Jantina Pelajar

Analisis perbandingan tahap perbezaan terhadap jenis-jenis pendekatan motivasi antara pelajar lelaki dan perempuan dilakukan dengan mengguna pakai Ujian-t. Analisis item-item tersebut ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.2.

Jadual 1.2
Ujian-t Mengukur Tahap Perkaitan Motivasi Pencapaian

Bil.	Pendekatan Motivasi	Jantina	Frekuensi	Min	Sisihan Piawai	Nilai t	Sig.
1	Intrinsik	Lelaki	65	3.86	0.46	-2.11	0.037
		Perempuan	66	4.02	0.36		

Jadual 1.2, menunjukkan analisis Ujian-t mengenai tahap perbezaan Pendekatan Motivasi Pencapaian mengikut taburan gender pelajar iaitu lelaki seramai 65 orang dan perempuan seramai 66 orang. Hasil analisis Ujian-t adalah seperti berikut:

Jadual 1.2 menunjukkan bahawa dapatan Ujian-t menunjukkan perbezaan nilai min terhadap motivasi pencapaian mengikut jantina sebanyak 3.86 bagi pelajar lelaki dan 4.02 bagi pelajar perempuan dengan sisihan piawai pada paras 0.46 dan 0.36 adalah terdapat signifikan ($t = -2.11$, $p < 0.05$) (lihat Lampiran C3). Keputusan ujian ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pelajar lelaki dan perempuan terhadap pendekatan motivasi ini. Justeru itu, keputusan ujian menerangkan bahawa motivasi pencapaian bagi responden perempuan lebih tinggi daripada lelaki dalam pembelajaran Bahasa Arab.

6.0 PERBINCANGAN RINGKAS

Kajian ini menimbulkan beberapa implikasi kepada para pelajar yang mempelajari bahasa Arab di dalam bilik darjah dan sebagainya. Pelajar yang mempunyai pendekatan Motivasi Pencapaian yang tinggi akan memiliki minat yang mendalam dan seterusnya mempengaruhi pencapaian akademik bahasa Arab mereka. Justeru, tenaga pengajar bahasa Arab yang menggunakan motivasi jenis ini sebagai domain pembangkit dan penggerak bagi memupuk minat pelajar akan berjaya dalam percubaannya. Ini kerana pendekatan motivasi tersebut mempunyai dorongan yang lebih tinggi dan berkesan terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Oleh itu apabila guru mengaplikasikan motivasi jenis ini dalam pengajarannya, maka hasil pengajarannya adalah lebih bermakna dan mencapai hala tuju belajar bahasa, dan ini akan memberi kesan yang positif. Hal ini dapat dibuktikan apabila motivasi ini merekodkan purata nilai min pada paras 3.94. Ini kerana seorang pelajar yang mempunyai Motivasi Pencapaian yang tinggi akan berjuang ke arah kejayaan yang dicita-citakan, sanggup menerima cabaran untuk berhadapan dengan kehidupan yang berbagai-bagai ragam dan akan sentiasa mencapai impian.

Selain itu, secara keseluruhan terdapat perbezaan penggunaan Pendekatan Motivasi Pencapaian antara pelajar lelaki dengan pelajar perempuan ketika belajar bahasa Arab dalam bilik darjah. Justeru itu, untuk meningkat motivasi luaran bagi pelajar lelaki untuk belajar bahasa Arab, program intervensi berkaitan orientasi menggunakan strategi motivasi sesuai dijalankan oleh Unit Bimbingan dan Kaunseling. Perkara ini diperlukan bertujuan untuk mengurangkan halangan yang menghalangi motivasi pelajar tersebut, dan sekaligus usaha tersebut menjadi domain penentu dalam kejayaan dan keberkesanan terhadap kelangsungan proses pembelajaran bahasa Arab pelajar.

Cadangan

Cadangan berikut mungkin berguna untuk mengkaji beberapa persoalan mengenai motivasi dalam pembelajaran bahasa Arab.

- i- Memandangkan pendekatan motivasi amat penting untuk belajar bahasa Arab, maka penulis masa hadapan juga boleh menyelidik ciri-ciri yang berkaitan dengan jenis motivasi lain seperti motivasi intrinsik, motivasi ekstrinsik, motivasi matlamat, motivasi berasaskan keperluan, strategi motivasi dan lain-lain. Pemahaman yang lebih mendalam dalam motivasi boleh menyumbang kepada teknik-teknik pengajaran dan pembelajaran yang lebih jitu, dan spesifik untuk meningkatkan penguasaan dan pencapaian bahasa Arab pelajar.
- ii- Kajian akan datang juga disyorkan supaya melihat faktor-faktor luaran yang boleh mempengaruhi motivasi dalam mempelajari bahasa Arab dari aspek kaedah pengajaran, alat bantu mengajar, bahan-bahan bacaan Bahasa Arab, buku teks dan latihan-latihan.

7.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, kajian ini mendapati bahawa pelajar lelaki maupun perempuan memerlukan satu mekanisme untuk menjadikan pembelajaran bahasa Arab lebih bermakna dan efektif. Dengan demikian, Pendekatan Motivasi Pencapaian merupakan salah satu mekanisme yang penting untuk membangkitkan dorongan diri pelajar ke arah pencapaian akademik bagi matapelajaran bahasa Arab. Penggunaan pendekatan motivasi jenis ini berupaya membentuk pelajar yang bermotivasi tinggi serta berpotensi untuk meraih kejayaan yang dicita-citakan. Justeru, tenaga pengajar bahasa Arab seharusnya mempunyai peranan untuk meningkatkan faktor-faktor yang menjana motivasi pencapaian terhadap para pelajar dalam proses pembelajaran bahasa Arab.

RUJUKAN

- ‘Abd al-Majid Sayyid Ahmad Mansur, Muhammad bin ‘Abd al-Muhsin al-Tuwayjiriyy & Isma‘il Muhammad al-Faqiyy. (2004). *‘Ilm al-Nafs al-Tarbawiyy*. Riyad : Maktabat al-‘Abi:ka:n.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2004). *Guru Sebagai Pendorong Dalam Darjah*. Bentong : PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdull Sukor Shaari. (2003). *Hubungan Motivasi, Keupayaan Mengajar Dan Komitmen Kerja Dengan Prestasi Kerja Guru Bahasa Melayu Sekolah Menengah*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Universiti Utara Malaysia.
- Ahmad Saufie Haji Ali. (1996). *Hubungan Antara Orientasi Pembelajaran, Motivasi Pencapaian Dan Pendekatan Pembelajaran Serta Kesannya Terhadap Pencapaian Pelajar Dalam Mata Pelajaran Ekonomi Tingkatan Enam*. Disertasi Ijazah Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ainon Mohd. (2003). *Teori Motivasi di Tempat Kerja*. Bentong : Pts Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Atkinson, J.W. (1964). *An Introduction to Motivation*. Princeton, N. J: Van Nostrand Co.
- Atkinson, Rita L., Atkinson, Richard C. & Hilgard E.R. (1983). *Introduction to Psychology*. New York : Harcourt Brace Jovanovich.
- Christopher Bowering-Carr dan John West-Burnham. (1999). *Pembelajaran Berkesan di Sekolah – Bagaimana Menyepadakan Pembelajaran dan Kepemimpinan untuk Menghasilkan Sekolah yang Berjaya*. (trj. Annuar Ayub). Kuala Lumpur : Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad.
- Hajah Noresah Baharom (Ed.). (2014). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. (Cet. Kelima) Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zaki Ahmad. (2009). *Motivasi dalam Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama*. Disertasi Ijazah. Universiti Malaya.
- Mohamad Shatar Sabran. (2005). *Rahsia Kecemerlangan Akademik*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Osman Haji Khalid et al. (2004). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rohaty Mohd. Majzub. (1992). *Psikologi Perkembangan Untuk Bakal Guru*. Kuala Lumpur : Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Wan Rifaie Abdul Rahman. (1991). *Motivasi dan Psikologi : Anda Boleh Menjadi Pelajar Cemerlang*. Kertas Kerja yang dibentangkan dalam Seminar Motivasi Diri dan Pembelajaran Berkesan. Bangi : Universiti Kebangsaan Malaysia Pada 23-24 hb. Februari 1991.